

01 MAR 2003

PAMERAN KHEMAH DIKUNJUNGI LEBIH 5,000 ORANG

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Lebih 5,000 pengunjung tempatan dan antrabangsa telah mengunjungi pameran "Menjangkau Batasan: Khemah Dunia Islam" setakat ini sejak dirasmikan pada 9 Jan lalu di Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Ketua Kurator muzium itu, Dr Mandana Barkeshli berkata terdapat peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 55 peratus dalam tempoh enam minggu sejak perasmiannya berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Majoriti pengunjung adalah dari kalangan keluarga, pelajar dan pelancong asing yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang keperluan khemah sebagai cara kehidupan masyarakat lampau, katanya dalam satu kenyataan.

Pameran itu akan berakhir 18 Mei ini. Ia diadakan dengan kerjasama Muzium Ethnografi Hamburg dari German dengan kos hampir RM1 juta dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut menganjurkan pameran khemah berkenaan ialah Siemens, MAS Kargo, Penerbangan Malaysia, Muzium Volkerkunde Hamburg, Tiga Events Sdn Bhd, Yayasan Albukhary dan Blohm + Voss & Schenker Stinnes Logistics.

Ia mempamerkan lima jenis khemah dari kawasan sepanjang Laluan Sutera yang mana empat daripadanya adalah daripada kebudayaan Asia Tengah, iaitu Kirghiz, Turkoman, Turki dan Mongolia.

Khemah kelima adalah kepunyaan Muzium Kesenian Islam Malaysia iaitu khemah istiadat perkahwinan Mesir yang diguna pakai pada kurun Masihi ke-19

-- BERNAMA

MFZ MFZ HM